

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : PELANCARAN INSTITUT KEMAJUAN WANITA MALAYSIA (IKWAM)
Lokasi : DEWAN MERDEKA, PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA (PWTC), KL
Tarikh : 09-09-1987

Bismillahir rahmanir rahim.

Yang Berhormat Dr. Siti Zaharah Sulaiman, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri;

Dif-Dif Kehormat;

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian;

Assalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Syukur Alhamdulillah kerana dengan limpah kurnia dan izinNya, dapat saya hadir di Majlis Pelancaran Institut Kemajuan Wanita Malaysia atau IKWAM pada petang ini.

2. Pelancaran IKWAM pada hari ini merupakan acara yang bersejarah bagi kaum wanita di Malaysia. Ianya berlaku selepas perayaan tiga puluh tahun kemerdekaan negara yang sungguh bermakna bagi kaum wanita. Dalam tiga puluh tahun kaum wanita telah maju ke hadapan dan mencapai kejayaan yang di luar dugaan.

3. Detik kesedaran kebangsaan wanita boleh dikatakan bermula dengan penentangan terhadap penubuhan "Malayan Union", di mana kaum wanita pada masa itu turut berjuang dalam kempen menentang "Malayan Union". Dengan penubuhan UMNO, Kaum Ibu UMNO turut berjuang untuk mendapat kemerdekaan daripada penjajah. Memandangkan sumbangan penting Kaum Ibu dalam perjuangan untuk mendapat kemerdekaan negara, maka seorang Menteri wanita telah diberi penghormatan untuk menyertai kerajaan di peringkat yang paling tinggi iaitu dalam Kabinet. Perkara ini diakui sendiri oleh Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Perdana Menteri Pertama, di Perayaan Jubli Perak Hari Wanita baru-baru ini.

4. Dari seorang Menteri kini kita mempunyai dua orang Menteri dalam Kabinet, dua orang Timbalan Menteri dan seorang Setiausaha Parlimen. Dalam Parlimen pula kita mempunyai sembilan orang Ahli Dewan Rakyat dan sebelas orang Ahli Dewan Negara. Di peringkat negeri wanita turut menyertai Dewan Undangan Negeri dan dipilih sebagai Ahli EXCO. Kejayaan wanita dalam bidang politik ini amatlah kita banggakan.

5. Dengan bertambahnya peluang pelajaran bagi wanita semenjak merdeka dan ramai bilangan wanita yang mendapat pelajaran tinggi, maka banyak peluang terbuka bagi wanita untuk menceburkan diri dalam berbagai profesyen. Pada hari ini wanita turut menjawat jawatan-jawatan penting dalam pentadbiran kerajaan, perkhidmatan kehakiman dan perundangan, perkhidmatan perubatan dan kesihatan, perkhidmatan perguruan dan perkhidmatan perkeranian. Wanita juga boleh didapati dalam bidang kewartawanan, kejuruteraan, kesetiausahaan dan sebagainya. Pendek kata, pekerja-pekerja wanita boleh didapati di mana-mana sahaja asalkan peluang terbuka kepada mereka.

6. Wanita juga turut menyumbangkan tenaga mereka untuk mempertahankan negara. Bilangan wanita yang sedia berkhidmat dalam pasukan-pasukan pakaian berseragam seperti tentera laut, udara dan darat dan perkhidmatan polis telah meningkat. Alangkah segak dan megahnya kaum wanita berpakaian seragam berkawat dalam perbarisan Hari Kebangsaan baru-baru ini.

7. Wanita kini telah memasuki zaman pembangunan.

Pembangunan yang pesat dan dasar perindustrian Kerajaan telah membuka peluang kepada beratus orang wanita mendapat pekerjaan dalam kilang-kilang yang dibuka di seluruh negara. Kini wanita Malaysia terkenal kerana mempunyai tangan yang halus sesuai untuk membuat 'micro-chips' dan

barang-barang elektronik yang lain.

8. Wanita juga tidak ketinggalan mencebur diri dalam perniagaan, terutama dalam perniagaan kecil. Mereka juga merupakan pekerja-pekerja yang penting dalam kedai, restoran dan hotel. Dengan galakan pelancongan oleh Kerajaan saya percaya peluang pekerjaan dan perniagaan dalam sektor pelancongan terbuka luas untuk wanita yang berani dan gigih.

9. Sementara kita berbangga dengan kejayaan dan kemajuan wanita dalam berbagai profesyen, kebanyakan wanita masih ketinggalan dalam berbagai aspek. Dalam kategori pekerjaan yang kurang mahir, pekerja-pekerja wanita mendapat gaji yang lebih rendah berbanding dengan pekerja lelaki. Saya percaya dengan penubuhan IKWAM wanita yang kurang mahir boleh mendapat latihan untuk melengkapkan diri mereka mencari pekerjaan. Dengan kelengkapan ini adalah diharap agar pekerja wanita tidak dieksploitasikan oleh majikan dan mendapat gaji yang lumayan sesuai dengan kemahiran mereka.

Para hadirin sekalian,

10. Tidak lama lagi kita akan memasuki dekad kesembilan-puluhan (1990s) dan dekad keempat kemerdekaan negara kita. Saya berharap wanita Malaysia akan melengkapkan diri mereka untuk menghadapi apa-apa cabaran di masa hadapan dengan penuh keyakinan. Saya berharap IKWAM boleh memupuk kesedaran di kalangan wanita akan potensi mereka dan dapat membantu mereka berkecimpung dalam bidang-bidang yang baru dan menanam semangat berdikari, berkeyakinan dan beramanah di kalangan mereka.

11. Saya berharap dengan penubuhan IKWAM, wanita akan dapat memajukan diri untuk menjadi golongan yang dapat menyumbangkan bakti dan tenaga secara berkesan dan menyeluruh. Kejayaan IKWAM terletak di tangan kaum wanita sendiri. Saya berharap IKWAM akan mendapat sokongan kaum wanita dan terus berkembang demi kebaikan wanita khususnya dan pembangunan negara amnya. Saya ucapkan selamat maju jaya dan berdoa agar IKWAM akan mencapai matlamatnya.

12. Dengan ini saya dengan sukacitanya melancarkan Institut Kemajuan Wanita Malaysia (IKWAM) dengan rasminya.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.